

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
(BATU GAJAH)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan penglibatan kaum India dalam Tentera Darat, Tentera Udara dan Tentera Laut. Berikan statistik iaitu bilangan kaum India mengikut jawatan yang dipegang oleh mereka dalam ketiga-tiga pasukan pertahanan itu.

JAWAPAN:

Statistik penglibatan kaum India dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah seramai 1,184 orang di dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara dengan pecahan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil	Perkhidmatan	Kategori Anggota		Jumlah
		Pegawai	LLP	
1.	Tentera Darat	179	555	734
2.	Tentera Laut	59	138	197
3.	Tentera Udara	67	186	253
	JUMLAH:	305	879	1,184